

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 51 RABU 22 DISEMBER 1971. 1391 رابو 4 ذوالقده PERCHUMA

P.G.G.M.B. SA-BAGAI PERGERAKAN KEBAJIKAN YANG CHERGAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata bahawa peranan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bukan-lah terhad kepada kepentingan ahli2-nya saja bahkan ia-nya meliputi kepentingan negeri ini.


Persekutuan Guru2 Melayu Brunei itu juga turut bersama2 menjaga kedaulatan,

prinsip2 atau ideologi negara yang berasaskan kesultanan, keugamaan, kebangsaan, bahasa dan kebudayaan-nya sendiri.

Segala isi dalam prinsip atau ideologi negara itu hendak-lah juga di-tanam dalam jiwa dan sanubari kanak2 supaya mereka itu tidak teraba-raba akan kehendak masha-rakat-nya.

Yang Amat Mulia itu menambah bahawa jika nilai2 itu tidak di-churahkan se-chara ikhlas dan bertanggung jawab maka prinsip atau ideologi negara tidak dapat di-mengertikan oleh jenerasi akan datang dan jika keadaan itu berlaku maka hilang-lah segala harapan yang di-kehendaki oleh negara.

(Lihat Muka 8)



Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, sa-laku Pena-sehat PGGMB sedang melafadzkan sabda di-upachara pembukaan rasmi Kongres Agong PGGMB di-Bandar Seri Begawan.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad yang telah merasmikan pembukaan Kongres Agong PGGMB kali yang ke-22 pada hari Jumaat lepas.

Perayaan besar2an menyambut lawatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan sa-chara besar2an akan di-adakan bagi mengalu2kan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei yang di-jadualkan pada 29 Februari, 1972 ini.

Beberapa achara yang mencherminkan adat-istiadat Brunei lama sa-waktu menerima keberangkatan lawatan Diraja akan dapat di-lihat di-perayeran Brunei sa-waktu Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen menaiki sa-buah kenderaan khas.

Sa-orang juruchapak jawatankuasa tertinggi sambutan keberangkatan Baginda Queen ka-Brunei berkata bahawa persiapan2 yang perlu sedang di-susun dan beberapa achara2 perayaan

sedang pun di-buat yang akan di-persembahkan oleh rakyat dan penduduk negeri ini.

Dalam pertemuan khas dengan Pelita Brunei sa-malam, beliau telah membentangkan beberapa achara dan istiadat2 penting sa-waktu mengalu2kan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen itu.

Kapal Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen yang bernama "Britannia" akan merapat di-Muara dan sa-jurus sa-telah itu Baginda Queen akan berangkat menaiki kereta ka-depan Sekolah Melayu Dato Gandhi di-mana sa-buah jeti akan di-bena.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Muara akan di-alu2kan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awg. A.R. Adair dan Ketua Protokol, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Peng-gawa Laila Bentara Diraja.

Dari jeti di-depan Sekolah Melayu Dato Gandhi itu, Baginda Queen akan berangkat turun ka-kenaikan Diraja yang khas di-buat untuk keberangkatan Baginda itu.

Baginda Queen akan di-arak di-perayeran Sungai Brunei menuju ka-Tambatan Kastam Diraja.

Di-tepi sa-belah menyebelah Sungai Brunei akan di-pagari oleh kenaikan orang2 yang bergelar yang masing2 akan di-lengkapi dengan peralatan2 menurut gelaran masing2.

Suasana di-perayeran Brunei yang beraneka-warna pada ketika itu akan memperingatkan kepada orang ramai yang menyaksikan

(Lihat Muka 8)

Bakal2 haji bertolak pada 27 Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kerajaan telah di-pilih sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji Kehormat dalam kapal terbang.

Mereka ia-lah Awang Mohd. Tahir bin Haji Wahab, dari Pejabat Odit dan Awang Mohd. Ali bin Mohd. Yusof dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

Mereka ini telah di-pilih dari tujuh orang pemohon yang memohon untuk jawatan tersebut.

Kedua2 orang yang telah di-pilih itu akan menjaga kebajikan bakal2 haji semasa dalam penerbangan dan sa-bagai tambahan, tugas2 mereka ada-lah juga termasuk menjaga kebajikan bakal2 haji yang pergi

dengan kapal laut sa-masa mereka itu berada di-tanah suci.

Sa-orang juruchapak Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan, dua orang pegawai dari Jabatan Perubatan Brunei juga akan pergi ka-Mekah bersama2 dengan bakal2 haji itu. Tugas2 mereka ia-lah untuk menjaga kesihatan dan memberi pertolongan perubatan kepada bakal2 haji sa-masa mereka berada di-tanah suci.

Mereka ia-lah Awang Sulaiman bin Ahmad, Pembantu Rumah Sakit Kanan dan Awang Marali bin Hussin, Attenden Rumah Sakit.

Sementara itu, sa-ramai 107 orang bakal2 haji akan berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang dalam perjalanan mereka ka-Mekah

pada hari Isnin 27 Disember. Mereka akan bertolak dalam tiga penerbangan. Penerbangan pertama sa-ramai 48 orang bakal haji akan bertolak meninggalkan lapangan terbang Berakas pada pukul 9.00 pagi; penerbangan kedua yang mengandungi 11 orang akan berlepas pada pukul 12.10 tengah hari dan penerbangan ketiga yang mengandungi 48 orang akan bertolak pada pukul 5.30 petang. Sebelas orang bakal haji yang bertolak dalam penerbangan kedua itu akan pergi ka-Singapura melalui Kota Kinabalu.

Satu rombongan lagi yang mengandungi 48 orang bakal haji akan berlepas pada 28 Disember pada jam 1.00 petang.

Usaha meningkatkan mutu ternakan lembu tempatan bagi mendapatkan daging yang lebih baik

BRUNEI mengimpot kira2 2,000 ekor lembu dan 4,000 ekor kerbau dari luar negeri untuk di-sembeleh bagi perbekalan daging. Daging yang di-jual dengan harga \$3.00 sa-kati tidak murah berbanding dengan harga yang terdapat di-negeri2 lain.

"Pengimpot binatang2 dari negeri lain untuk di-sembeleh juga melibatkan perbelanjaan penukaran matawang asing. Oleh yang demikian kita harus berusaha bagi membekalkan daging sa-chara sendiri untuk keperluan tempatan dengan meningkatkan lagi mutu ternakan lembu dan kerbau tempatan bagi menambah binatang2 untuk di-sembeleh serta daging yang baik". Demikian menurut Awang C.V. Subramaniam, Pegawai Haiwan Brunei.

Beliau berkata bahawa Brunei mempunyai kira2 3,000 ekor lembu kebanyakan tidak terpelihara dan kurus kerana biak sendiri. Jabatan Pertanian telah melancarkan satu Rancangan Memperbaiki Lembu bagi meningkatkan ternakan lembu dengan memelihara lembu2 jenis lain serta menunjuk chara2 yang baik bagi membiakkan ternakan.

Dalam tahun 1968 Jabatan itu telah mengimpot enam ekor lembu jenis Santa Gertrudis dari Australia — dua jantan dan empat betina — lembu jenis Santa Gertrudis ini telah di-pilih kerana ia dianggap sesuai dengan keadaan2 di-Brunei.

MEMBIAK

Ini telah di-buktikan kerana lembu2 itu sekarang telah membiak menjadi 15 ekor — enam jantan dan sembilan betina — ia-itu tambahan sembilan ekor lembu dalam masa dua tahun. Lembu jenis Santa Gertrudis ini termasuk dalam golongan lembu Eropah yang di-panggil Bos Taurus dan mempunyai daging yang lebih baik dan juga lembu jenis ini chepat besar.

Dalam masa tiga tahun yang lalu Jabatan itu telah mengimpot 104 ekor lembu Malaysia dari Negeri Kedah. Lembu2 ini seperti lembu2 tempatan Brunei ada-lah jenis golongan India yang di-panggil Bos Indicus dan keistimewaan-nya jenis ini ia-lah boleh menentang sebarang penyakit lembu serta bersesuaian dengan keadaan2 tempatan.

Di-Pusat Pemeliharaan Binatang Jerudong, Jabatan itu telah mengawainkan lembu2 betina jenis Kedah itu dengan lembu2 jantan jenis Santa Gertrudis dan berjaya memperoleh anak2 lembu kachokan yang di-berinama Santa Kedah yang mempunyai mutu2 lem-

bu jenis Santa Gertrudis serta Kedah itu. Lembu2 jantan kachokan ini di-jual kepada penternak2 lembu dengan harga \$500 sa-ekor. Sa-takat ini enam ekor lembu tersebut telah di-jual dan ada-lah di-harapkan bahawa lembu2 jantan itu akan meningkatkan lagi mutu lembu tempatan sa-chara membiakkan anak2 lembu yang lebih baik.

Jabatan itu juga sedang menumpukan usaha menanam rumput2 seperti jenis Bracharia (para grass) dan Pangola yang boleh di-tanam dengan mudah untuk kegunaan makanan lembu. Di-samping itu tanaman jenis penutupan seperti Centrosema, Pueraria dan Calapogonium untuk makanan lembu juga di-chuba dan di-galakkan.

Menurut Awang Subramaniam, di-Labu Estate yang mempunyai pokok2 getah yang sudah tua dan tidak mendatangkan hasil, sa-buah kawasan penternakan lembu termasuk 48 ekor lembu jenis Kedah dan dua ekor lembu jantan jenis Santa Gertrudis yang di-biakkan di-sana telah di-selenggarakan dan ada-lah di-jangka lembu2 peliharaan untuk di-sembeleh akan dapat di-usahakan dalam beberapa tahun lagi.

Meminggikan ternakan lembu ada-lah satu proses jangka panjang. Ia lambat mendatangkan hasil tetapi satu usaha

yang tetap akan memberi faedah kepada negara.

Orang ramai yang ingin tahu dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara tersebut di-jemput berkunjung ka-Pusat Pemeliharaan Binatang Jerudong, Steshen Pertanian Luahan dan Kawasan Ternakan Lembu di-Labu bagi memerhatikan sendiri chara2 yang sesuai bagi mengurus serta membiakkan ternakan lembu.



Gambar atas kelihatan Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam sedang menunjukkan satu dari beberapa jenis rumput yang di-tanam untuk makanan lembu2 tersebut. Sementara gambar bawah, sa-bahagian dari 48 ekor lembu yang di-biakkan di-sa-buah kawasan di-Labu Estate.



Latehan2 menembak

PASOKAN ke-6 Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifle, sedang menjalankan latehan menembak dengan menggunakan peluru2 hidup di-kawasan antara Ulu Sungai dan Selatan Mau, hingga 30 Disember.

Latehan yang bermula sejak Disember itu hanya di-jalankan di-kawasan itu sahaja.

Semasa latehan, jalan masuk ke-kawasan itu akan di-tandakan dengan bendera merah dan satu papan kenyataan, sa-bagai amaran kepada penduduk2 kampung di-situ tentang bahaya masuk ke-kawasan latehan.

Sementara itu, Askar Melayu Diraja Brunei juga akan mengadakan latehan menembak.

(Lihat Muka 6)

Lumba bernang sekolah2 sa-negeri

BERAKAS. — Sa-ramai 71 orang murid termasuk sa-puorang perempuan dari sekolah2 Inggeris dan Melayu seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam perlumbaan bernang yang di-adakan di-Kolam Bernang Berakas pada hari Ahad lepas.

Sukan itu anjoran Jabatan Pelajaran ada-lah salah satu

projek tahunan jabatan itu.

Sa-banyak 25 acara perlumbaan telah di-pertandingkan dalam sukan renang itu termasuk 1,500 meter gaya bebas, lima puluh meter gaya dada bagi bahagian perempuan, 50 meter bernang berganti2 gaya bebas bagi bahagian lelaki dan 50 meter "front crawl" bagi bahagian perempuan.



KHUTBAH JUMA'AT

UGAMA ISLAM MEMBENA KEKUATAN PERHUBONGAN UMAT MANUSIA

SESUNGGOH-NYA salah satu daripada perkara2 yang penting di-dalam rukun hidup manusia di-dunia ini ia-lah perhubungan perasaan tali siratul-rahim di-antara manusia dengan manusia, di-antara manusia dengan makhluk, lebeh2 lagi dalam hubungan dengan antara keluarga sa-sama keluarga.

Allah Subhanahu-wataala telah berfirman di-dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim di-surah An-nisa' ayat satu yang bermaksud:

"Wahai sekalian manusia, hendak-lah kamu takutkan Allah yang menjadikan kamu mula-nya sa-orang manusia sahaja (Adam) dan menjadikan daripada-nya akan isteri-nya (Hawa) dan telah jadi biak dari kerana ada kedua2-nya itu beberapa ramai manusia lelaki dan perempuan, dan takut-lah kamu akan Tuhan kamu yang tidak putus2 kamu meminta pertolongan di-antara sa-sama kamu dengan menggunakan nama-nya dan hendak-lah kamu mengelakkan diri daripada berputus rahim, dan bahawa-sa-nya Allah sentiasa memerhatikan kamu".

Di-dalam hadith pula, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Pelajari-lah titisan darah keturunan kamu pada merapatkan perhubungan di-antara sa-sama kamu, kerana perhubungan 'siratul-rahim' itu puncha persasaan kaseh sayang di-kalangan kaum keluarga".

Dari ayat dan keterangan hadith di-atas, maka dapat-lah kita fahamkan bahawa bagaimana agama Islam itu membena kekuatan perhubungan di-antara sa-sama umat, yang mana di-mulai dari tangga yang pertama ia-itu merapatkan perhubungan di-antara sa-sama keluarga terlebih dahulu. Kerana sa-bagaimana kita maklom bahawa sa-suatu umat itu tidak akan jadi kuat atau kukuh pendirian-nya jika mereka dalam keadaan berpecah-belah, tiada menaruh rasa muhibbah di-antara satu sama lain.

Kita telah maklum bahawa yang di-katakan umat atau

**"Pelajari-lah
titisan darah
keturunan kamu
pada merapatkan
perhubungan
di-antara
sa-sama kamu"**

bangsa itu ia-lah golongan2 manusia yang bermula dari satu2 keluarga (sa-buah rumah-tangga). Dari sa-buah rumah tangga, di-satukan dengan beberapa buah rumah-tangga, maka jadi-lah ia-sa-buah kampung. Dari sa-buah kampung, apabila di-satukan, maka jadi-lah ia sa-buah mukim, dari beberapa mukim, maka jadi-lah ia sa-buah daerah, dari beberapa buah daerah, maka jadi-lah ia sa-buah negeri, jadi-lah ia sa-buah negara.

Bagai kita umat Islam, walau di-mana sekalipun mereka berada, mereka itu tetap saudara kita, tidak kira bangsa, keturunan atau pun warna kulit, kerana kita umat Muhammad ada-lah satu umat dan satu kiblat.

Akhir-nya, ini-lah di-serukan kepada seluruh kaum muslimin dan muslimat agar kita umat Islam sentiasa dalam hubungan siratul-rahim, sama ada hubungan dengan keluarga atau pun masharakat, semoga Allah akan memberikan taufik dan hidayah-nya kepada kita seluruh kaum muslimin, amin ya rabul alamin.



MESJID Kampong Penajong telah memenangi tempat pertama dalam kempen kebersihan mesjid2 di-Daerah Tutong. Mesjid Kampong Penajong mendapat markah 76 peratus. Tempat kedua di-menangi oleh Mesjid Kampong Penapar dengan markah 74 peratus dan pemenang ketiga ia-lah Mesjid Kampong Layong dengan markah 66 peratus.

Kempen kebersihan mesjid2 itu telah di-lancarkan di-seluruh Daerah Tutong atas arahan Jabatan Hal Ehwal Ugama, bagi menjaga kebersihan mesjid2 di-daerah itu.

Satu majlis penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 dalam kempen tersebut telah di-adakan di-Dewan Mesjid Hassanat Bol-kiah, Pekan Tutong pada minggu lalu.

Dalam ucapan-nya di-majlis penyampaian hadiah2 itu, Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin telah memuji ahli2 jawatankuasa mesjid2 di-Daerah Tutong kerana menyumbat baik seruan jabatan itu untuk melan-charikan kempen tersebut.

Kata-nya kempen kebersihan itu ada-lah julong2 kali-nya di-adakan di-Daerah itu dan beliau berharap akan banyak lagi mesjid2 di-negeri ini akan menjalankan kempen seperti itu.

Gambar atas menunjukkan Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain sedang menyampaikan hadiah kepada Balal Mesjid Kampong Penajong yang telah memenangi tempat pertama dalam kempen tersebut.

sebut. Di-tengah2 sedang memerhati ia-lah Kadzi Daerah Tutong, Awang Haji Ishak bin Adam.

Amaran kepada penunggang2 basikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei-Muara telah menyeru penunggang2 basikal yang menjalani latehan bagi persediaan perlumbaan basikal yang akan di-adakan dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan supaya memerhati dan menghormati peratoran lalu lintas.

Kata-nya, mereka tidak seharusnya berada di-mana2 jalan raya tanpa lampu sa-lepas senja dan mereka juga di-larang menunggang bersain-gan, dan pada bila2 masa hendak-lah berjalan di-sebelah kiri.

Penunggang2 basikal itu juga di-berikan amaran supaya tidak mengekori terlalu dekat dari sebarang kenderaan yang bergerak, bagi mengelakkan kemalangan jika kenderaan itu berhenti sa-chara mengejut.

Beliau berkata tindakan akan di-ambil terhadap penunggang2 basikal2 yang tidak mengindahkan amaran tersebut.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Disember, 1971 hingga ka-hari Selasa 28 Disember, 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
22 Dis.	12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
23 Dis.	12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
24 Dis.	12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
25 Dis.	12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
26 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
27 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
28 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.

PELITA BRUNEI

(22hb. Disember, 1971)

KERAMAIAAN SEMPENA LAWATAN BAGINDA QUEEN

BRUNEI akan mengadakan perayaan sa-chara besar-besaran bagi mengauzkan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei dalam siri lawatan Baginda ka-negara2 di-sabalah sin.

Lawatan Diraja itu di-jadualkan berlangsung pada 29 Februari tahun depan dan ia-nya ada-lah merupakan lawatan yang bakal menjadi chatatan sejarah bagi negeri ini.

Dari gambaran2 yang ada sekarang berhubung dengan acara2 yang akan di-adakan untuk lawatan itu, maka beberapa acara yang menarik yang berbentuk adat istiadat Brunei lama akan menjadikan bahan ristaan kepada rakyat dan penduduk negeri ini yang tidak berkesempatan melihat sa-chara dekat akan adat-istiadat yang beraneka-warna dan gilang gemilang itu.

Acara yang di-anggap paling menarik, sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh sa-orang juruchakap Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Keberangkatan Baginda Queen ka-Brunei itu ia-lah jajaran kenaikan2 orang2 yang bergelar yang lengkap dengan peralatan-nya yang beraneka-warna dan chorak Kenaikan2 itu akan beratur di-sepanjang Sungai Brunei dimana akan di-lalui oleh Kenaikan Diraja yang akan membawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dari jeti di-Kampung Dato Gandi menuju ka-Tambatan Kastam Diraja. Kenaikan2 itu juga di-jangka akan bergerak mengiringi Kenaikan Diraja itu hingga ka-Tambatan Kastam. Dalam suasana itu nanti sudah tentu akan turut di-ambil bahagian oleh alat2 bunyi2an Brunei yang asli seperti tawak2, gulintangan dan chanang yang akan di-palu dengan berbagai2 lagu yang nyaman pada pendengaran.

Ketika itu, Sungai Brunei akan mengalunkan ombak dari kesebukan2 perahu dan kenaikan2 yang beranek-bentuk dan warna-nya itu yang menjadikan suasana ketika itu, dapat-lah di-gambarkan akan keasliannya. Dan lebih asli lagi di-lihat jika kenaikan2 itu di-gerakan oleh pengayoh2 yang semakin berkurangan sekarang di-sebabkan telah banyak berganti oleh putaran kipas2 enjin motosangkut. Beberapa lagu2 Brunei asli khas untuk berkayoh jika dapat di-suarakan oleh pekayoh2 itu nanti akan lebih menarik minat ramai.

Sa-lain dari itu, satu lagi keindahan yang dapat kita rasakan ia-lah ketika Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen menaiki usongan menuju Lapau. Pelawat Diraja itu benar2 di-sambut dengan penoh adat istiadat yang menunjukkan ke-Bruneian kita yang tetap utuh dengan kegemilangan-nya walaupun pun arus kebudayaan moden sedang merayan di-mana2.

Tidak shak lagi bahawa angkatan2 baru Brunei akan berpeluang menyaksikan adat-istiadat lama itu yang menjadi asas bagi mereka mengenali diri masing2 dan berbangga pada kesopanan dan ketertipian yang demikian rupa itu.



Perlawanan2 bola sepak sa-chara persahabatan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pasokan bola sepak Belia2 dari Selangor, Trengganu dan Sabah yang berumur ka-bawah 20 tahun yang mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak Piala Burnley di-Kuching akan mengadakan perlawanan2 sa-chara persahabatan dengan pasokan Brunei.

Perlawanan2 itu di-adakan di-padang Bandar Seri Begawan selama empat hari.

Pertandingan pertama antara belia2 dari Selangor dan Brunei telah di-adakan petang semalam.

Pada hari ini pasokan Trengganu akan melawan pasokan Sabah.

Pada hari Khamis 23 Disember Brunei akan bertemu dengan Trengganu.

Dan pada hari Jumaat 24 Disember Brunei akan bertemu dengan Sabah.

Tiket2 bagi menyaksikan perlawanan itu akan di-jual di-padang Bandar Seri Begawan sa-belum perlawanan2 dimulakan.

Yang Di-Pertua Pertubohan Pengakap Negeri, Awang Mohd. Ali bin Daud (gambar atas, di-barisan depan no. 4 dari kanan) ada-lah di-antara yang hadir menyaksikan persembahan2 dalam Pesta Pengakap Daerah Tutong yang telah di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Muda Hashim baru2 ini.

Dua orang buta berkursus di-Kuala Lumpur

BERAKAS. — Dua orang buta telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Isnin lepas untuk menjalani satu kursus latehan di-Pusat Latehan Gurney disana.

Mereka ia-lah Awang Ghani bin Haji Garif dan Awang Nasir bin Haji Akim.

Mereka telah di-temani oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Kebajikan, Awang Mohammad Yasin bin Awang Said.

Di-antara orang2 menghantar mereka di-Lapangan Terbang Berakas ia-lah Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Ini ia-lah kali ka-lima jabatan i t u menghantarkan orang2 buta untuk menjalani kursus latehan di-luar negeri.

Kursus P.T.C. di-Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 Pengakap dari seluruh Negeri Brunei akan menghadiri Kursus Permulaan Latehan (P.T.C.) di-Tutong sa-lama tiga hari mulai pada hari Jumaat 24 Disember.

Pesuruhjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya bin Mohamed Yusof meminta kepada semua pemimpin2 Pengakap yang akan menghadiri kursus tersebut supaya melaporkan diri kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong, Awang Metamit bin Iradat di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada jam 9.00 pagi hari tersebut.

Mereka juga ada-lah di-kehendaki membawa perkakas2 perkhemahan sa-masa menghadiri kursus itu.

Perlumbaan jalan kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 72 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki jarak jauh pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan yang di-anjarkan oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan itu ada-lah bagi mengutip derma tabong pasokan pencharagam maktab itu.

Peserta2 lelaki telah berjalan sa-jauh empat batu dan peserta2 perempuan tiga batu.

Keputusan2 perlumbaan ada-lah seperti berikut:-

Lelaki perseorangan: Pertama Kopral Abu Haniffa, kedua Kopral Khoo Fook Yong keduanya dari B. Kompeni, Pasokan Simpanan Pulis Diraja Brunei, Jalan Berakas dan ketiga P.C. Rahim Kamaruddin.

Perempuan perseorangan: Pertama — Dayang Sa'adiah Haji Hitam, kedua — Dayang Halimah Tinggal dan ketiga — Dayang Zainab Nayan — kesemua-nya dari Sekolah Persediaan Ingeris, Sengkurong.

Pasokan Lelaki: Pertama — 'B' Kompeni Pasokan Pulis Simpanan Diraja Brunei, Jalan Berakas, kedua (Kelab Recreation Chartered Bank, Bandar Seri Begawan dan ketiga pasokan Hostel Maktab SOAS.

Sekolah Persediaan Ingeris Sengkurong ada-lah pemenang pertama dalam bahagian perempuan.

Pengetua Maktab SOAS, Awg. McCorkindale telah menyampaikan hadiah2.



Sabahagian dari peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki anjoran Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan.

LAWATAN MUHIBBAH BELIA2 KA-S'PURA DI-TANGGOHKAN KA-BULAN APRIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lawatan muhibbah belia2 Brunei ka-Republik Singapura yang di-jadualkan akan di-lakukan dalam penghujung bulan Disember ini telah di-tanggoikkan buat sementara.

Sa-oranag juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei menyatakan bahawa lawatan tersebut di-chadangkan akan di-lakukan semasa chuti sekolah dalam bulan April tahun hadapan.

Beliau meminta peserta yang telah dan ingin menyertai dalam lawatan muhibbah itu supaya mendaftarkan nama mereka semula kepada Seksi Sosial MBB.

Tiap2 peserta mesti-lah memohon melalui Setia Usaha persatuan masing2, siapa yang di-kehendaki memilih chalon2 yang layak bagi mewakili persatuan mereka.

Tarikh penutup bagi pendaftaran semula peserta lawatan muhibbah itu akan di-tutup pada 15 Januari, 1972.

Minggu Kerja Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. Minggu Kerja Pengakap bagi Daerah2 Brunei/Muara dan Belait yang bermula pada 17 Disember lepas akan berakhir pada hari Jumaat 24 Disember.

Sa-masa Minggu Kerja itu Pengakap2 akan melawat ka-rumah2, sharikat2 perniagaan dan lain2 tempat untuk membuat kerja dengan menerima bayaran.

Tuan2 punya rumah dan sabagai-nya ada-lah di-minta menulis bayaran yang di-berikan itu dan menanda tangani kad2 kerja yang di-bawa oleh pengakap2 tersebut.

Penuntut2 lawat Pusat Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan ra-ramai 50 orang penuntut dari Sekolah Inggeris Berakas telah melawat Pusat Belia Bandar Seri Begawan minggu lalu.

Rombongan itu telah di-ke-tuai oleh guru2 mereka, ia-itu Awang Yahya bin Haji Ghafar dan Awang Mohamed bin Haji Hussain.

Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Penyelia Pusat Belia, Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu yang kemudian-nya membawa mereka melawat kabilek urusan rumah tangga, as-ram lelaki dan perempuan, kolam bernang dan juga telah me m berikan penerangan2 ringkas mengenai kegiatan2 belia dalam negeri ini.

Penuntut2 itu juga telah mengadakan permainan badminton, ping pong dan membaca buku2 dibilek bacaan Pusat itu.

Dua rombongan yang lain yang tiap2 satu-nya mengandungi sa-ramai 50 orang penuntut dari sekolah itu juga telah melawat Pusat itu pada 18 dan 20 Disember.



Kaptan Pengiran Hasnan sedang menerangkan sa-suatu kepada penuntut2 itu ketika mereka melawat bahagian udara AMDB.

Penuntut2 tinjau kegiatan AMDB

BERAKAS. — Satu rombongan sa-ramai 54 orang penuntut Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan telah melawat Perkehemahan Askar Melayu Diraja Brunei pada hari Isnin lepas.

Ketibaan rombongan itu di-sambut oleh Adjutan AMDB, Kaptan Hussein bin Ahmad yang kemudian-nya menerangkan serba ringkas, tugas dan tanggung jawab regiment itu.

Rombongan itu kemudian-nya telah di-bawa melawat2 ka-bahagian udara; padang tembak yang moden; bengkel; dewan gimnastik; kolam bernang dan berpeluang menyaksikan pertunjukkan berkawat.

Rombongan itu juga telah melawat pengkalan laut regiment tersebut di-Muara.

Sa-bahagian dari guru2 yang telah menghadhiri pembukaan Kongres Agong Persekutuan Guru Guru Melayu Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Bangunan persekutuan itu pada hari Jumaat 17 Disember yang lalu.

Majlis perjumpaan Hari Raya Kelas Dewasa Ugama

KAMPONG PELAMBAYAN. — Penuntut2 Kelas Dewasa Ugama Kampong Pelambayan akan mengadakan Majlis Perjumpaan Hari Raya pada hari Jumaat 24hb. Disember bertempat di-Sekolah Dewasa Ugama Kampong Pelambayan. Majlis tersebut akan bermula pada pukul 8.30 pagi.


Bersempena dengan perjumpaan itu, satu majlis penyampaian sijil2 kepada penuntut2 Kelas Dewasa Ugama yang telah lulus peperiksaan dalam tahun 1969 akan di-adakan.

Sijil2 tersebut akan di-sampaikan oleh Awang Ahmad Ramli, Nazir Lawatan Bahagian Pelajaran Dewasa Ugama.

Larangan menangkap ikan di-Sungai Brunei

ORANG ramai khas-nya penduduk2 Kg. Ayer mulai sekarang ada-lah di-larang menangkap ikan dan berlaboh di-Sungai Brunei di-hujung barat Kampong Ayer di-kawasan bersempadan dengan Kampong Tamoi, kemudian di-sepanjang sebelah Barat Laut Sungai Brunei hingga ka-Pulau Ajong Batu, kemudian di-sepanjang sebelah Tenggara Sungai Brunei hingga ka-Kampong Burong Pinggai dan seterusnya ka-Kampong Lorong Dalam dan seterusnya hingga ka-tempat permulaan di-Kampong Tamoi Ujong.

Penggunaan semua jenis alat penangkap ikan termasuk rambat, pukut dan panching ada-lah tidak di-benarkan di-Sungai Brunei di-hujung Barat Kampong Ayer di-kawasan yang di-sebutkan tadi.



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No B/LA/113/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tamin bin Tuah, M.R.U., Batu 4, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tuah bin Husin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/114/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Sia bin Basman, Kampong Sengkurong "A", Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada pesaka yang di-punyai oleh Tijah binte Jais @ Hajjah Tijah bte. Jais yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah laki kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

Latehan2 menembak

(Dari Muka 2)

bak dengan menggunakan meriam katak di-gunakan latehan Bintauran Daerah Tutong pada 22 dan 23 Disember antara pukul 8.00 pagi dan 12.00 tengah hari, dan antara pukul 4.00 hingga 6.00 petang

Latehan di-sebelah malam juga akan di-adakan pada 22 Disember antara pukul 7.00 dan 10.00 malam.

Orang ramai di-nasehatkan supaya memerhatikan tanda2 amaran dan bendera2 merah di-sekitar kawasan latehan itu.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/115/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pg. Tajudin bin Pg. Mat Salleh, d/a. Pejabat Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Mat Salleh bin Pg. Limbang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon it-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/117/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tuah bte. Puteh, d/a. Awg. Sulaiman bin Abdul Hamid, Jabatan Kehakiman Bandar Seri Begawan Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Puteh bin Kapal @ Putih bin Kapal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/118/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd. Said bin Othman, Immigration & National Registration kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Othman bin Lahim @ Osman bin Lahim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/119/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdullah bin Othman, Kg. Serasa, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sambas bin Tarip yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/129/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Baji anak Ngindang, Kampong Kinua, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Enpol anak Usah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah menentu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/6/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd Yusof bin Ahad, Kampong Puni, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahad bin Serudin yang telah meninggal dunia di-dalam Bangar, Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-

dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/7/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Besar bin Haji Hujan, Kampong Puni, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Hujan bin Jalak yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong/Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/8/7/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ahmad bin Damit, Kampong Batu Apoi, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Damit bin Chuchu yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong/Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Disember, 1971.

MD. ALI BIN DAUD,
Timbalan Pegawai
Penguasa Warith,

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN SA-BAGAI AHLI BOMBA PELATEH

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inchi.
- Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di-atas hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-Sekolah2 Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-daftarkan ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$200/- sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Perengkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$230/- sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Tempat Kumpulan

Pengambilan:

Semua pemohon2 ada-lah di-minta hadir di-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja sa-lama 2 hari mulai dari 5hb. Januari, 1972 hingga 6hb. Januari, 1972 untuk di-uji.

Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2

Beranak, Sijil2 Pelajaran dan Kad2 Pengenalan sa-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki saperti di-atas diminta menghadhiri kumpulan

pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalun2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan di-sukong untuk jawatan tersebut.

Sa-bagai Tukang Ubat Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Tukang Ubat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 bagi jawatan tersebut mesti-lah berumur 17 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun dan lulus Sijil Senior Cambridge termasuk mata pelajaran sains asas.

Gaji:

Tukang Ubat Terlateh/Perchubaaan — Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Sa-bagai Penjaga Palong Ikan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Penjaga Palong Ikan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 hendak-lah lulus sa-kurang2-nya Form II, mesti-lah mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam bidang memelihara ikan dalam palong.

Tugas2:

Membuat semua kerja2 yang berhubung dengan memeli-

hara ikan dan menjaga tangki2 ikan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji EI-2 EB 3 — \$220x10-290/EB-300-10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perlohi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 28hb. Disember, 1971.

Tawaran membuat chawan tanda kenangan

TAWARAN ada-lah di-jemput bagi membuat chawan (mug) tanda-kenangan atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei, di-bawah sharat2 saperti berikuti:—

- Di-perbuat dari porcelain atau china;
- Gambar berwarna wajah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II dan Duli Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, dan perkataan "Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei, 29hb. Februari, 1972" hendak-lah di-buahkan;
- Mug ini hendak-lah di-siapkan dan di-terima oleh, serta memuaskan Jawatankuasa tidak lewat dari 29hb. Februari, 1972, atau suatu tarikh yang akan ditetapkan jika terkemudian dari ini;
- Bilangan yang di-perlukan ia-lah 47,000 biji;
- Jawatankuasa tidak terikat bagi memilih sa-barang tawaran atau tawaran yang termurah sekali; dan
- Tawaran di-tutup pada 8hb. Januari, 1972 jam 4.00 petang.

2. Bayangan rupa-bentuk dan jenis porcelain/china boleh-lah di-lihat di-Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, pada waktu2 bekerja Jabatan2 Kerajaan.

3. Segala tawaran hendak-lah di-sertakan dengan satu lukisan chontoh mug itu, dan di-alamatkan kapada:—
Setia Usaha Agong,
Jawatankuasa Tertinggi,
Keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II, d/a. Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





PESUROHJAYA Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair dan Puan Adair pada hari Sabtu yang lalu telah menyampaikan hadiah2 dan barang makanan kepada kanak2 di-wad kanak2 di-rumah sakit besar Bandar Seri Begawan. Gambar atas menunjukkan Tuan yang Terutama dan Puan Adair bersama2 dengan Pegawai Perubatan, Dr. I.G. Singh dan Penyelia2 rumah sakit sa-belum membahagikan hadiah itu kepada kanak2 di-wad itu.

Ranchangan2 lawatan Baginda Queen ka-Brunei sedang di-ator

(Dari Muka 1)

nya tentang kegemilangan adat-istiadat Brunei lama yang maseh hidup segar hingga sekarang.

Ketibaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ka-Tambatan Kastam Diraja akan di-alu2kan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berserta dengan pembesar2 negara.

Sambutan2 perbarisan kehormatan akan juga di-adakan di-situ termasuk barisan pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran Diraja yang beraneka-warna itu.

Ketika berangkat dari Tambatan Kastam menuju ka-Lapau, Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen akan menaiki usongan yang pernah di-gunakan ketika Istiadat Berpuspa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sa-jurus sa-telah berangkat tiba di-Lapau, maka istiadat mengadap akan di-adakan dan sa-telah itu majlis santapan tengah hari akan di-adakan di-Istana Darul Hana.

Pada sa-belah petang-nya pula, Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen akan berangkat melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan ka-Bangunan Peringatan Churchill.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen juga di-jadualkan untuk melakukan pembukaan rasmi Muzium Brunei di-Kota Batu.

Sa-telah achara itu, Baginda Queen akan berangkat ka-tempat kediaman Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair untuk menghadhiri jamuan teh yang khas untuk warga negara British yang berada di-Brunei. Dalam majlis itu juga di-jangka akan di-adakan majlis penyampaian Bintang2 Kebesaran British.

Pada sa-belah malam-nya pula, Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen akan mengadakan majlis santapan di-atas kapal Royal Britannia.

Menurut juruchakap itu lagi bahawa beberapa achara2 keramaian akan mula di-adakan pada 28 Februari di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan dan di-Pekan Muara.

Achra2 keramaian itu akan diambil bahagian oleh penduduk2 kampong dan permainan2 yang berchorak antara bangsa serta pertunjukan2 dari persatuan2 belia di-bawah kelolaan Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Ada-lah di-ranchangkan bahawa Majlis Belia2 akan mempertunjukan sa-buah tatro drama mengenai sejarah Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Pekan Muara nanti.

Sa-buah jawatankuasa kecil keramaian bandar sempena keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah pun di-bentuk dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Lumba perahu di-Perayeran Sungai Brunei akan di-adakan pada 1 hari-bulan Mach, 1972.

Bagi mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei itu, raayat dan penduduk negeri ini akan mengibarkan bendera di-bangunan2, kedai2 dan rumah2 di-Daerah Brunei dan Muara. Bangunan2 dan rumah2 itu akan dihiasi dengan lampu2 chuchul pada waktu malam.

Bagi memperingati lawatan Diraja itu, kanak2 sekolah di-seluruh negeri akan menerima tanda-kenangan.

Jawatankuasa Tertinggi bagi Keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei adalah di-pengerusikan oleh Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Laila Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Momin ia-lah Naib Pengerusi, sementara Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-lantek sa-bagai Setia Usaha Agong jawatankuasa itu.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz Umar telah di-lantek sa-bagai Timbalan Setia Usaha Agong.

Lain2 ahli dalam jawatankuasa itu ia-lah Yang Amat Berhormat Menteri Besar; Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana; Pesurohjaya Pulis Diraja; Wakil Jabatan Adat-Istiadat; Wakil Askar Melayu Diraja; Pengarah Jabatan Kerja Raya; Pengarah Jabatan Laut; Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Kuritor Muzium; Ketua Jurutera Letrik; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja; dan Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja.

Guru2 di-seru mengubah sikap bagi menyesuaikan keadaan zaman

(Dari Muka 1)

Yang Amat Mulia telah bersabda demikian semasa di-adakan pembukaan rasmi Mashuarat Agong PGGMB di-dewan bangunan Persekutuan itu di-Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Yang Amat Mulia itu menjelaskan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah di-tubuhkan sejak tahun 1939 dan ia-nya telah dapat menempatkan diri-nya sa-bagai satu pergerakan kebajikan yang chergas khusus kepada ahli2-nya yang terdiri dari guru2 di-seluruh negeri.

Beliau perchaya kegiatan2 yang di-jalankan sekarang akan dapat di-perbaiki lagi supaya nilai material yang sudah ada itu tidak beku dan betagar tetapi tumbuh dengan subur-nya.

Dalam menjalankan kegiatan2 Persekutuan itu Yang Amat Mulia itu juga menasehatkan supaya mengenang kembali segala kelemahan2 kehilapan2 yang berlaku kerana semua kelemahan2 itu menjadi panduan kepada apa juga tindakan yang akan di-jalankan pada masa akan datang.

Beliau juga menasehatkan kepada semua guru2 supaya sanggup mengubah sikap demi menyesuaikan keadaan zaman dengan meningkatkan pengetahuan sa-takat yang boleh di-samping mempelajari bahasa Melayu sa-chara mendalam bahasa2 asing juga harus di-pelajari.

Kata-nya chabaran itu hendaklah di-buktikan dengan meningkatkan pengetahuan mereka supaya jelas kepada masharakat bahawa guru ada-lah guru dan bukan sa-takat mengajar di-sekolah2 saja.

Yang Amat Mulia itu juga telah mendapat tepokan apabila beliau menguchapkan satu perkataan AWDA yang bererti Awang-Dayang.



Ahli2 J/K Tertinggi P.G.G.M.B. yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Shahbuddin bin Saleh (gambar atas) telah di-pilih semula sa-bagai Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei buat kali ketiga berturut2.

Pemilihan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi untuk mentadbirkan persekutuan itu bagi tahun 1971/1972 telah di-adakan baru2 ini di-beberapa buah pusat pemilihan di-Sekolah2 Melayu seluruh negeri dan di-bangunan PGGMB, Bandar Seri Begawan.

Nama2 lima orang ahli Jawatankuasa Tertinggi yang baru itu telah di-umumkan dalam Kongres Agong Persekutuan Guru2 Melayu yang ke-22 yang berlangsung pada hari Jumaat lepas.

Empat orang ahli Jawatankuasa Tertinggi yang telah di-pilih adalah seperti berikut:

Naib Yang Di-Pertua: — Awang Hamdani bin Haji Abdul Rahman; **Pengerusi Tetap:** — Awang Suni bin Haji Idris; **Setia Usaha Agong:** — Awang Umar bin Muhammad dan **Setia Usaha Kewangan:** — Awang Haji Daud bin Seruddin.

Awang Haji Daud telah memegang jawatan itu sa-lama lebih dari 13 tahun.

20 orang penuntut di-hantar ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 65 orang penuntut akan berlepas ka-Singapura dalam minggu ini untuk menyambong pelajaran mereka di-sekolah2 menengah di-republik itu sa-telah menghabiskan percutian sekolah di-tanah ayer.

Sapuluh orang dari mereka akan berlepas ka-Singapura pada 24 Disember dan 50 orang yang lain-nya akan bertolak pada 25 Disember dalam dua penerbangan Pener-30 orang penuntut akan berlepas bangan pertama yang mengandongi

Perlawanan2 persahabatan dengan SANYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan badminton dan pingpong sa-chara persahabatan akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia antara belia2 Brunei dan ahli2 Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA).

Perlawanan itu akan di-adakan pada 26 dan 27 Disember ini dalam masa lawatan muhibbah belia2 Sabah itu ka-Brunei dan mereka akan menjadi tetamu kepada Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Orang ramai ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan kedua2 perlawanan itu.

Dalam perlawanan badminton nanti, belia2 Brunei akan di-wakili oleh pemain2 yang pernah menentang pemain2 Penampang, sementara pemain2 pingpong ada-lah terdiri dari pemain2 pilihan.

meninggalkan lapangan terbang Berakas pada jam 7.15 pagi semantara 25 orang yang lain-nya bertolak pada pukul 12.10 tengah hari.

Sementara itu, 20 orang penuntut yang telah di-pilih baru2 ini untuk melanjutkan pelajaran di-Sekolah2 Menengah di-Singapura akan bertolak pada 26 Disember.

Sa-puluh orang dari mereka akan menuntut dalam aliran Melayu dan yang lain-nya menuntut dalam aliran Inggeris.

Semua sekolah menengah di-Republik Singapura akan di-buka pada 27 Disember.